

14 NOV 1999

Mahathir-Kempen

MAHATHIR "BUNYIKAN" SEMBOYAN GEMPUR PEMBANGKANG

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memulakan kempen pilihan raya dengan "membunyikan" semboyan kepada pergerakan Pemuda dan Wanita Barisan Nasional (BN) untuk menggempur pembangkang dan memastikan kemenangan majoriti dua pertiga BN.

Dalam amanat kepada lebih 15,000 anggota pergerakan pemuda dan wanita parti-parti komponen BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pagi ini, beliau meminta Pemuda memastikan pilihan raya dapat berjalan baik dan dalam keadaan aman serta memastikan rakyat mengekalkan BN sebagai parti pemerintah.

Wanita pula diminta keluar menemui para pengundi dan memberi penjelasan tentang keadaan sebenar yang berlaku di negara ini agar para pengundi tidak keliru dengan dakwah pembangkang dan akan mengundi BN.

"Semboyan dah berbunyi, pergilah ke kawasan masing-masing, teruskanlah perjuangan untuk bangsa, negara dan agama," katanya disambut dengan laungan 'Hidup Barisan!', 'Hidup Mahathir!' dan nyanyian lagu patriotik.

Ini merupakan pertemuan pertama Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN dan Presiden Umno dengan para anggota parti komponen BN selepas Parlimen dibubarkan pada 11 Nov.

Perdana Menteri membangkitkan soal pentingnya Pemuda bekerjasama dengan pasukan keselamatan untuk menjaga keamanan.

Ini kerana katanya ada kemungkinan parti pembangkang khususnya Parti Keadilan Nasional, akan mengadakan rusuhan bagi menggagalkan pilihan raya ini apabila parti itu mendapati ia tidak mendapat sokongan rakyat.

Parti lawan akan mencetuskan huru-hara untuk menggagalkan pilihan raya apabila menyedari mereka akan tetap kalah dan mungkin kalah 100 peratus.

"Yang akan kalah 100 peratus ialah parti Keadilan. Apabila pilihan raya separuh jalan dan tak ada sokongan kepada mereka dan ada rasa kekecewaan, kepimpinan mereka akan menyuruh supaya merusuh kerana ini cara Keadilan - merusuh di jalan-jalan," katanya.

Dr Mahathir berkata amalan biasanya ialah bagi para anggota Pemuda dan Wanita bergerak dengan tersusun, tertib dan bersopan untuk memastikan kempen pilihan raya menjadi berkesan di kawasan masing-masing.

Beliau juga mengingatkan semua pihak dalam BN supaya tidak mempertikaikan calon-calon setelah ia diputuskan, sebaliknya memberi sokongan padu dan bekerja keras untuk memastikan kemenangan semua calon itu.

Perdana Menteri kemudian meminta semua anggota Pemuda dan Wanita BN yang hadir di Dewan Tun Abdul Razak itu berdiri dan mengulangi ikrar yang disebutnya.

"Kami akan sokong, akan undi, akan tentukan rakyat mengundi, semua calon BN walau dari parti apa sekalipun, walau dari kaum apa sekalipun. Kami berikrar bahawa semua yang menjadi calon BN adalah calon kami," katanya sambil diikuti oleh semua yang hadir dengan suara yang lantang dan bersemangat.

Dr Mahathir mengucapkan syabas kepada para anggota pergerakan wanita BN yang berjaya melaksanakan tanggungjawab untuk mendaftarkan pengundi dan memastikan wanita keluar mengundi pada pilihan raya yang lepas.

Jumlah wanita yang berdaftar sebagai pengundi ialah 54 peratus manakala 59 peratus daripada pengundi yang keluar mengundi dalam pilihan raya sebelum ini terdiri daripada wanita.

"Bagi BN, wanita mempunyai hak yang sama dengan lelaki, mereka berhak

menjadi calon, menjadi pemimpin negara sama dengan lelaki," katanya.

Perdana Menteri juga berkata Wanita BN memainkan peranan yang sangat penting dalam menyedarkan para pengundi wanita supaya menolak PAS, yang jelas katanya menghina golongan itu dan menganggap mereka hanya berperanan untuk memasak nasi suami dan untuk memuaskan nafsu suami sahaja.

"Jangan hairan jika Nik Aziz (Mursyidul Am PAS), Fadzil Noor (Presiden PAS) dan Hadi (Timbalan Presiden PAS), selepas dengar mesej ini, mereka akan menghidupkan semula muslimatnya, pada masa itu wanita cantik pun diterima balik," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan BN yang memerintah sejak 42 tahun lepas telah berjaya membangunkan dan memajukan negara daripada segi pembangunan fizikal selain menyemai semangat kental dan semangat baru dalam jiwa rakyat.

Malaysia berjaya menganjurkan acara dunia seperti Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (Chogm) pada 1989, Sukan Komanwel tahun lepas, perlumbaan kereta Formula One baru-baru ini selain kejayaan rakyat mencatat rekod dunia dengan mendaki gunung Everest, berjalan di khutub utara, terjun payung di khutub utara dan belayar solo mengelilingi dunia mengikut laluan Barat ke Timur.

Katanya usaha dan perjuangan BN belum selesai kerana banyak lagi yang perlu dilakukan untuk membangunkan negara dan menegakkan semangat kekentalan rakyat Malaysia.

"Kita tak boleh biarkan mana-mana parti lain menang di negara ini, kita akan pastikan (BN) dapat menang (majoriti) dua per tiga," katanya.

Dr Mahathir mengingatkan bahawa BN akan gagal jika para anggota parti berubut-rebut untuk menjadi calon dan enggan menerima dan menyokong calon yang telah diputuskan.

"Masalah yang boleh gagalkan kita bukan jumlah kita, bukan kewangan, yang akan menggagalkan kita ialah jika kita berebut-rebut untuk menjadi calon," katanya.

BN akan menang jika anggotanya mempunyai disiplin yang cukup kuat dan setiap anggotanya bekerja keras memastikan kemenangan semua calon BN, tanpa mengira sama ada calon itu datang dari mana-mana parti komponen, katanya.

-- BERNAMA

AFY RON